

Jaluma

Buletin Edisi 1/2013

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



**Menteri Pengajian Tinggi
lancar logo Sambutan
20 tahun UTHM**

**Program Sangkutan UKM dengan
University Duisburg - Essen, Jerman
& Stockholm University, Sweden**

LB
2326.3
.B85



Seminar sehari bersama Dato'
Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah



UnisZA rai rakan industri



Majlis Bersama Pemimpin
Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir

Menangani Konflik Organisasi : Jangan Gaduh-Gaduh

Satu lagi program Motivasi Bulanan anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bertajuk Jangan Gaduh-Gaduh mengupas definisi konflik dan mengapa ianya terjadi di dalam sesebuah organisasi.

Program telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2012 di Dewan Auditorium Canselori dan dihadiri oleh seramai 150 orang staf akademik dan bukan akademik UTeM.

Program dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kanan, Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra, Encik Amran bin Hassan. Beliau juga mengupas bagaimana menghadapi konflik sekiranya ia berlaku dan cara mengatasi konflik agar organisasi dapat berfungsi dengan cekap dan cemerlang.

Peserta-peserta yang hadir juga diberi penjelasan tentang jenis-jenis konflik utama yang dihadapi pada masa kini seperti konflik organisasi, kekeluargaan, kemasyarakatan, gender dan akil baligh.



Hari Mesra Pelanggan Jabatan Pendaftar USIM 2012

Hari Mesra Pelanggan merupakan program tahunan bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Justeru itu, Jabatan Pendaftar USIM telah mengambil langkah terkehadapan dalam merealisasikan hasrat Pengurusan Universiti tersebut dengan menganjurkan dua program Hari Mesra Pelanggan Peringkat Jabatan Pendaftar pada tahun 2012 iaitu pada 23 Oktober 2012 bertempat di Kampus Nilai dan 29 November 2012 di Kampus Pandan Indah.

Program yang bertujuan untuk memupuk kesedaran, menerapkan budaya kualiti dan inovasi di kalangan warga USIM selain mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Pendaftar telah dilaksanakan dengan mendapat komitmen baik daripada warga kampus. Program seumpama ini merupakan satu daripada bentuk *engagement* antara Jabatan Pendaftar dengan PTJ lain dan landasan penting kepada warga USIM untuk mengutarakan persoalan dan langkah penyelesaian berkaitan perkhidmatan Jabatan Pendaftar.

Pelbagai aktiviti telah diadakan diantaranya pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan, Sesi Wacana Intelektual, Taklimat Perkhidmatan, Pameran Sistem Pentadbiran, Edaran Borang Maklumbalas Pelanggan dan Ujian Penentuan Kumpulan Darah serta Kuiz.

Pelaksanaan program ini dilihat dapat memberi manfaat kepada semua pihak serta dapat mewujudkan rangkaian perhubungan yang mantap bukan sahaja sesama staf Jabatan Pendaftar malahan di kalangan staf Jabatan Pendaftar dengan PTJ lain.

